

Newspaper	Berita Harian
Date	6/8/2014

Sekat unsur fitnah, hina di laman sosial

(BH-6/8/14)

» Cadangan
Dr Mahathir
perlu diberi
perhatian serius

Oleh Baharom Bakar
bhkt@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersejuru dengan cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan menyekat berita berunsur fitnah, termasuk penghinaan agama yang kian berleluasa di laman sosial kebelakangan ini.

Timbalan Menteri, Datuk Jailani Johari, berkata Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sudah diminta mengemukakan kertas cadangan termasuk peruntukan yang diperlukan bagi

membeli kelengkapan berkaitan bagi tujuan itu untuk dimasukkan dalam bajet tahun depan.

Katanya, cadangan bekas Perdana Menteri perlu diambil kira dan diberi perhatian serius walaupun pelbagai kempen sudah dilakukan kerajaan dan SKMM bagi memastikan pengguna laman sosial tidak menyalahgunakan kemudahan itu serta menimbulkan suasana tidak sihat serta kekacauan dalam masyarakat.

Banyak unsur dibangkit

“Sekatan berita berunsur fitnah, penghinaan agama yang dimuatnaik pemilik akaun Facebook (FB) perlu disekat segera sebelum ia disebarkan.

“Terlalu banyak unsur yang boleh membangkitkan kemarahan rakyat disebar melalui laman sosial, apatah lagi dalam senario negara yang dihujani dengan pelbagai tohmahan, fitnah dan cercaan yang menyentuh sensitiviti Is-

lam, Melayu dan institusi raja,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Dr Mahathir mengemukakan cadangan itu pada satu program di Putrajaya, Jumaat lalu kerana bimbang tindakan tidak bertanggungjawab sesetengah pemilik laman sosial, mampu menggugat keamanan negara serta menggugat moral awam, jika dibiarkan berterusan.

Jailani yang juga Ahli Parlimen Hulu Terengganu, yakin pegawai di SKMM berkemahiran untuk menyekat dan menapis berita berunsur fitnah yang dimuat naik melalui laman sosial, tetapi agensi itu menghadapi kekangan kewangan untuk membeli peralatan dan kelengkapan yang diperlukan.

“SKMM dan pelbagai agensi penguatkuasaan termasuk polis sudah ambil tindakan ke atas pemilik akaun FB yang didapati memuat naik berita fitnah, tetapi ia kurang mem-



“*Sekatan berita berunsur fitnah, penghinaan agama yang dimuatnaik pemilik akaun Facebook (FB) perlu disekat segera sebelum ia disebarkan*”

Jailani Johari,
Timbalan Menteri
Komunikasi dan Multimedia

beri kesan,” katanya.

Beliau berkata, statistik terkini menunjukkan pemilik akaun FB di negara ini mencecah 12.7 juta pengguna atau 70 peratus daripada jumlah keseluruhan rakyat, meletakkan Malaysia di tangga ke-18 dunia dalam penggunaan kemudahan itu.